

HAKIM BESAR MALAYA  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR



CHIEF JUDGE OF MALAYA  
FEDERAL COURT  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

Ruj: PMT/UU/5/2

Tarikh: 6 Februari 2003

YA Hakim/ Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Malaya

Hakim Mahkamah Sesyen  
Semenanjung Malaysia

Timbalan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

Majistret  
Semenanjung Malaysia.



Arahan Amalan No 1 / 2003

Pendaftaran Kes-kes Muamalat di Mahkamah (Kod Pengklasan)

Selaras dengan perkembangan semasa berhubung Undang-undang Perbankan Islam dan Kewangan Islam maka mulai 1 hb Mac 2003, semua kes-kes muamalat hendaklah didaftar menurut kod pengklasan seperti berikut:

Perkara	Kod
a) Rayuan sivil dari Mahkamah Majistret ke Mahkamah Tinggi	11 A
b) Rayuan sivil dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi	12 A
c) Semua tindakan yang difailkan di Mahkamah Tinggi ( tanpa mengambil kira	

ianya dimulakan dengan writ, saman pemula  
atau usul pemula ) 22 A

d) Semua tindakan yang difailkan  
di Mahkamah Sesyen ( tanpa mengambil kira  
ianya dimulakan dengan writ, permohonan pemula  
atau petisyen pemula ) 52 A

e) Semua tindakan yang difailkan  
di Mahkamah Majistret ( tanpa mengambil kira  
ianya dimulakan dengan writ, permohonan pemula  
atau petisyen pemula ) 72 A

f) Semua tindakan yang difailkan di Mahkamah  
Majistret Kelas Dua ( tanpa mengambil kira ianya  
dimulakan dengan writ, permohonan pemula  
atau petisyen pemula ) 93 A

**2 ) Pengagihan kes Kod 22 A di Mahkamah Tinggi**

Semua kes-kes di bawah kod 22A yang difailkan di Mahkamah  
Tinggi Kuala Lumpur hendaklah didaftar dan didengar di Mahkamah  
Tinggi Dagang Empat (4) .

Bagi Mahkamah Tinggi di Negeri-negeri lain cara pengagihan kes  
yang di amalkan sekarang dikekalkan tanpa sebarang pindaan.

**3 ) Pengagihan kes di Mahkamah Sesyen, Majistret dan Majistret  
Kelas Dua**


Bagi Mahkamah Sesyen, Majistret dan Majistret Kelas Dua , cara  
pengagihan kes yang diamalkan sekarang dikekalkan tanpa sebarang  
pindaan.

**4 ) Kes-kes semasa yang menunggu perbicaraan di Mahkamah**

Apabila sesuatu kes itu tiba giliran untuk di bicarakan atau untuk  
pengurusan kes, kod baru hendaklah dicatitkan kepada nombor kes  
yang sedia ada tanpa mengubah nombor asalnya, sebagai contoh bagi  
kes-kes di Mahkamah Tinggi di negeri-negeri lain dari Wilayah  
Persekutuan Kuala Lumpur, S1- 22-789-2002 dijadikan S1- 22A- 789-  
2002.

Bagi kes-kes di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, memandangkan  
semua kes-kes Kod 22 A perlu didaftar dan didengar di Mahkamah

Tinggi Dagang 4 maka nombor mahkamah juga perlu di pinda ,sebagai contoh kes S1- 22-789-2002 dipinda kepada D4- 22 A-789-2002.

  
( **DATO' HAIDAR BIN MOHAMED NOOR** )  
Hakim Besar Malaya

s.k

Y.A.A Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A Hakim Besar Sabah & Sarawak  
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak  
Jalan Gersik  
Putra Jaya  
93050 Kucing

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan  
Kuala Lumpur

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Kuala Lumpur.

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak  
Jalan Gersik  
Putra Jaya  
93050 Kucing

Pegawai Undang-undang 1  
Bahagian Penyelidikan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur



Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur.

Majlis Peguam Malaysia  
No 5, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur.